

OKTOBER 2021



CASSIA

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT

#FGVNetZero

Melestarikan

ALAM
SEKITAR

Demi Masa Depan





CORETAN GCEO GCEO'S JOTTINGS

Warga FGV yang dihormati,

Perubahan iklim merupakan isu amat penting untuk ditangani oleh Kumpulan FGV yang merupakan sebuah syarikat pengeluar bahan makanan yang terbesar di Malaysia.

Kita boleh melihat kesan perubahan iklim yang ketara sekarang terutamanya di ladang-ladang kita yang terkesan akibat fenomena El Nino, La Nina dan sebagainya. Contohnya, hujan lebat sehingga menyebabkan banjir teruk di PPTR Tekam pada awal tahun ini dan kemarau berpanjangan beberapa tahun lepas sehingga menjejaskan kuantiti dan kualiti pengeluaran tandan buah segar.

Tidak dapat dinafikan kita juga terlibat secara langsung kepada perubahan iklim ini melalui pelepasan gas rumah hijau di kilang-kilang serta aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain.

Kerana itu sebagai syarikat yang bertanggungjawab, FGV telah menyatakan komitmen kepada sasaran karbon sifar bersih seawal 2050. Sasaran pengurangan karbon berpanduan sains menyediakan rangka kerja

pengurusan karbon yang ditentukan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau. (Untuk rujukan lanjut klik di sini) <https://bit.ly/3CFE04M>

Ini bukanlah cakap-cakap kosong. Untuk menjadi syarikat mampan dan berprestasi tinggi, FGV dan warganya perlu bersama-sama memastikan komitmen ini dilaksanakan sebaik-baiknya, didorong oleh nilai-nilai ESG iaitu persekitaran, sosial dan tadbir urus.

FGV amat berpotensi menjadi syarikat pengeluar makanan yang terulung bukan sekadar di Malaysia tetapi juga di rantau ini. Inilah hala tuju yang perlu dikembangkan oleh Warga FGV bagi menjamin masa depan kita.

Isu jaminan makanan (*food security*) akan menjadi isu terbesar kepada penduduk dunia pada masa akan datang. Ianya akan memberi kesan kepada pengeluaran makanan, akses, kualiti, penggunaan serta kestabilan sistem makanan. Sebagai syarikat terkait barang makanan, kita perlu mengambil peluang ini untuk mengukuhkan hala tuju menjadi syarikat pengeluar makanan yang kukuh.

Seiring dengan cita-cita tersebut, saya ingin menyeru kepada semua Warga FGV untuk terus menyokong dan menggunakan produk keluaran Kumpulan FGV. Kita haruslah mengukuhkan kekuatan dalaman jika ingin membina empayar di luar sana.

Saya berharap agar setiap isi rumah Warga FGV mempunyai dua atau lebih produk Kumpulan FGV. Tanamkan di dalam hati untuk sentiasa membeli produk kita dahulu sebelum mencapai jenama lain sewaktu membeli-belah.

Contohnya, para suami perlu mengenalkan jenama SAJI, ADELA, Gula Prai, Ladang '57 dan sebagainya kepada isteri kerana merekalah yang selalunya membeli barangan dapur. Apabila pulang ke kampung pula, bawalah buah tangan barangan ini agar ibu bapa dan saudara-mara turut mengenali dan menyokong keluaran FGV.

Saya percaya ramai Warga FGV yang memang berbangga menjadi duta produk FGV. Siapa lagi kalau bukan kita? #SayaDutaProdukFGV

Sekian, terima kasih.

Mohd Nazrul Izam Mansor
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV


PERUBAHAN IKLIM

OLEH IR. DR. GIDEON TAN

APA YANG SEDANG BERLAKU SEKARANG?



SKOP PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU



■ MSM Tanam 700 Pokok Bakau Komited Terhadap Prinsip ESG Dalam Kelestarian Operasi Dan Alam Sekitar

Bersempena dengan Hari Alam Sekitar Negara 2021, MSM Malaysia Holdings Berhad melalui anak syarikat yang dimiliki penuh, MSM Prai Berhad (MSM Prai) telah menandatangani Sijil Jalinan Kolaborasi bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Pulau Pinang.

Melalui program ini, sebanyak 700 anak pokok bakau ditanam sepanjang pesisir kilang MSM Prai oleh Persatuan Kebajikan Nelayan-Nelayan Pulau Pinang (PIFWA) bagi membantu menambahbaik lanskap persekitaran setempat.

Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai



Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad manakala JAS Negeri Pulau Pinang diwakili oleh Pengarah, Sharifah Zakiah Syed Sahab.

Kolaborasi strategik ini adalah sebahagian daripada program kelestarian MSM sebagai asas kepada rangka kerja Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV Turun Padang



8 April - Kilang Sawit Maokil



9 April - FGV Fertiliser



9 September - FGVPM Bera Selatan 01



10 September - FGV Biotechnologies, Kuantan



21 September - Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Abdul Razak



7 Oktober - FGV Innovation Center, Enstek



14 Oktober - FGV Refineries, Kuantan



14 Oktober - FPG Oleochemicals, Kuantan



14 Oktober - FGV Transport, Kuantan



15 Oktober - FGV Johor Bulkiers, Kuantan



15 Oktober - FGV Biotechnologies, Kuantan



FGV Transport Perkenal Perkhidmatan Pengangkutan Rantaian Sejuk Bagi Penuhi Peningkatan Permintaan Pasaran Tempatan

FGV Transport Services memperkenalkan perkhidmatan pengangkutan rantaian sejuk bagi menyediakan penghantaran dan penyelesaian penyimpanan sejuk yang cekap untuk produk sensitif suhu dan barangan mudah rosak. Dengan nilai pelaburan permulaan sebanyak RM8.3 juta, perniagaan ini menyasarkan untuk memenuhi permintaan pasaran yang semakin meningkat dalam pengurusan logistik secara berkesan, yang memastikan kawalan suhu betul bagi produk-produk tenusu, farmaseutikal, daging, buah-buahan, sayur-sayuran, makanan laut, makanan sejuk beku serta lain-lain produk untuk sektor domestik dan e-Dagang.

Kemaskini oleh FGV Mengenai Perintah Pelepasan Tahan (WRO) oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan (CBP) Amerika Syarikat

FGV komited mengambil semua langkah yang diperlukan untuk membatalkan WRO, termasuk pelantikan firma audit bebas untuk melakukan penilaian operasi FGV terhadap 11 Petunjuk *International Labour Organization* (ILO) berkaitan Buruh Paksa, seperti yang dinasihatkan oleh CBP. FGV telah mengenal pasti juruaudit bebas untuk menjalankan kerja-kerja audit berkenaan dan kini sedang bekerjasama dengan penasihat undang-undang yang berpangkalan di AS untuk memuktamadkan terma dan syarat bagi pelantikan tersebut. Dalam memastikan bahawa skop dan metodologi audit memenuhi kehendak dan jangkaan CBP, FGV menjangkakan sedikit kelewatan terhadap pelantikan dan berharap untuk memformalkan pelantikan tersebut pada November 2021 mengurangkan risiko penularan wabak COVID-19.



FGVIF Sedia Pacu Pasaran Beras Wangi Tempatan ke Tahap Baharu

FGV Integrated Farming bersedia merancakkan pasaran beras wangi tempatan. Ini dibuktikan menerusi kejayaan pelaksanaan program Beras Wangi *Fortified Field™* (3FR) FGVIF yang berupaya mengoptimalkan penanaman padi wangi tempatan melalui amalan dan teknologi pertanian pintar serta berkesan. Kumpulan menyasar 3.5 peratus penguasaan beras wangi tempatan pada akhir 2025 di bawah jenama unggul FGV, SAJI. FGV komited untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) industri beras di Malaysia dan ianya dapat dilakukan menerusi program 3FR FGV yang menyokong program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), yang dimulakan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Pertandingan Menulis Esei SMART4Climate Peringkat Kebangsaan, Pupuk Kesedaran Perubahan Iklim Dalam Kalangan Warga Malaysia

FGV bekerjasama dengan Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA), melancarkan pertandingan menulis esei peringkat kebangsaan di bawah inisiatif *SMART4Climate*, kempen kesedaran dan pendidikan iklim FGV yang pertama. Ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai perubahan iklim, dan akan berlangsung sehingga 30 November 2021. Peserta bebas untuk memilih tajuk yang berkaitan dengan tema yang dinyatakan iaitu 'Peranan Malaysia dalam Menghadkan Peningkatan Suhu Global di Bawah Paras 1.5°C'. *Write4Climate* membuka peluang bagi para penulis mengespresikan pendapat dan cadangan berkenaan dengan isu perubahan iklim global.




GARIS PANDUAN JENAMA

Penggunaan Logo FGV Untuk Inisiatif Kelestarian dan Kempen Hijau


Penggunaan logo FGV dipelbagaikan untuk menyokong komitmen FGV dalam inisiatif kelestarian dan kempen hijau.

Logo khas ini akan digunakan dengan meluas oleh Bahagian Kelestarian Kumpulan dan juga Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui di dalam komunikasi mereka seperti contoh di bawah. Penggunaan latar belakang hijau dengan logo berwarna putih membezakan logo ini dengan yang sedia ada.

Sila rujuk pihak Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan sekiranya anda ingin menggunakan logo khas ini untuk sebarang komunikasi yang menepati kriteria inisiatif kelestarian atau kempen hijau.



CMYK 52 / 5 / 71 / 0
RGB 122 / 185 / 83



Manual Identiti Korporat ini boleh didapati di FGV Hub dan fgvholdings.com. Untuk sebarang pencerahan lanjut, sila hubungi Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan.

Terima kasih atas sokongan berterusan anda dalam usaha memperkukuhkan penjenamaan FGV.

“

Apabila anda dihormati sebagai individu, mereka mengagumi anda. Apabila mereka menghormati anda sebagai rakan, mereka menyayangi anda. Apabila mereka menghormati anda sebagai pemimpin, mereka mengikuti anda. Marilah kita semua saling menghormati, menyayangi dan berkongsi kebahagiaan.

”



Romzi Ishak
Ketua Pegawai Eksekutif
FGV Agri Services Sdn. Bhd.

APA KATA MEREKA?



Apakah peranan kita dalam melestarikan alam sekitar?

Setiap dari kita pasti punya tanggungjawab kerana alam ini bukan milik kita malah dihuni oleh pelbagai makhluk lain dan semuanya saling bergantung antara satu sama lain. Lestari bermaksud tidak berubah-ubah, kekal atau tetap. Maka, melestarikan alam sekitar bermaksud, kita

membiarkan atau memelihara alam sekitar supaya kekal seperti sedia kala. Namun disebabkan kerakusan sesetengah pihak mengeksploitasi hasil dan sumber alam keterlaluan, telah menyebabkan berlakunya pelbagai fenomena alam seperti pemanasan global, tanah runtuh, banjir kilat, gempa bumi dan

sebagainya yang mengganggu kestabilan alam. Kini masih belum terlewat untuk kita bertindak. Bersama-samalah kita bertanggungjawab dalam menjalankan peranan dalam melestarikan alam sekitar demi kehidupan yang lebih aman, sihat dan sejahtera.




Noraidi Md Amin
FGV Palm Industries

Selain dari isu sosial dan ekonomi, alam sekitar merupakan elemen utama dalam kelestarian keseluruhannya. Alam sekitar yang terjejas boleh mengganggu taraf kesihatan dan kehidupan kita. Kesedaran diri dan individu terdekat kita amat penting.

Pengajaran melalui teladan. Cukup dengan diamalkan dalam kehidupan seharian. Tuntutlah ilmu dan praktikkan cara menguruskan sisa pepejal, sisa domestik serta bahan buangan terjadual yang betul. Amalkan 3R serta pengasingan bahan "Recycle" di

rumah dan di tempat kerja. Ianya sangat memberi impak kepada kelestarian alam sekitar ini. Kita sangat memerlukan alam sekitar yang baik. Sekiranya musnah, yang rugi dan sengsaranya adalah kita serta generasi anak-anak kita yang akan datang juga.




Nurul Hayati Yaakob
FGV Holdings

Masa depan alam sekitar, kualiti kehidupan sejagat dan kesejahteraan generasi masa hadapan berada di tangan kita. Kita boleh membina masa depan yang lebih baik dan lebih lestari dengan mengamalkan konsep

'sayangi alam sekitar' dalam kehidupan seharian dengan mengamalkan konsep 3R (*Reduce-Reuse-Recycle*) serta melalui amalan 5S (sisih, susun, sapu, seragam & sentiasa amal). Sambutan hari alam sekitar setiap

tahun tidak bermakna jika kesejahteraan alam sekitar semakin merosot. Kita perlu menunjukkan contoh melalui teladan dengan memelihara alam sekitar kita demi kesejahteraan manusia sejagat.



Zulazren Rubaai
FGV Fertiliser

Bagi melestarikan dan memelihara alam sekitar, saya telah menerapkan kepentingan kitar semula di samping menitikberatkan penjimatan penggunaan tenaga elektrik dan air di rumah.

Anak-anak saya juga dididik agar mereka tahu kepentingan amalan ini.

Selain itu, saya juga menggalakkan keluarga saya untuk membawa beg

sendiri ketika membeli-belah bagi mengurangkan penggunaan plastik. Kami juga memupuk minat untuk bercucuk tanam agar dapat menghasilkan kehijauan di kawasan rumah.




Aslila Mohd Bakri
FGV Johor Bulklers

Saya memainkan peranan dalam melestarikan alam sekitar dengan memastikan bahawa saya membawa beg membeli-belah sendiri apabila membeli barang rumah untuk mengurangkan penggunaan beg plastik. Selain itu,

saya juga menjadikan penggunaan bekas minuman atau makanan sendiri satu kebiasaan, terutamanya apabila membungkus makanan di kedai makan berdekatan rumah. Saya juga cuba untuk mengurangkan "carbon footprint"

dengan berjalan ke kedai ataupun menaiki pengangkutan awam daripada menggunakan kenderaan.



-Solhaah Yahaya
FGV Holdings

WIRA FGV

“Aktiviti mendaki membina sikap positif dalam kerjaya dan kehidupan seharian saya” – Syed Rosli Syed Asmi



Beliau dikenali sebagai seorang yang memiliki sifat kepimpinan yang tinggi dalam kalangan rakan-rakan dan petugas di tempat kerja. Insan yang lebih mesra dikenali sebagai Syed atau nama sebenar Syed Rosli Syed Asmi yang juga merupakan pilihan ‘Wira FGV’ kali ini, merupakan pembantu stor di Kilang Gula MSM Prai, Pulau Pinang. Di samping menjalankan rutin harian di stor kilang berkenaan, beliau juga merupakan Pengerusi Kesatuan Pekerja MSM cawangan Prai dan telah banyak berkongsi buah fikiran ke arah kemajuan dan kebajikan petugas MSM di sana.

Menurut Syed, kilang Gula MSM Prai beroperasi selama 24 jam setiap hari dan terbahagi kepada dua syif iaitu pagi dan malam. Kebiasaannya, beliau akan berada awal di tempat kerja bagi persiapan terhadap tugas-tugas harian yang bakal dilaksanakan.

Sebagai pembantu stor, Syed bertanggungjawab membantu pegawai atasan beliau untuk membuat pemeriksaan inventori dan stok gula dan memastikan pesanan yang diterima daripada pelanggan dapat disediakan tepat pada masanya, sebelum dimuatnaik ke dalam lori-lori pelanggan.

“Di MSM Prai, penghantaran gula secara pukal kepada pelanggan akan dibuat menerusi tiga cara iaitu penghantaran melalui lori kargo, gerabak keretapi dan juga kapal kecil. Penggunaan kapal kecil adalah untuk mengangkut gula pelanggan dari jeti sebelum dipindahkan semula ke dalam kapal besar,” jelas Syed. Selain itu, beliau juga sering dijadikan rujukan serta wakil rakan-rakan setugas yang lain untuk membawa masalah berkaitan mereka untuk didengari oleh pihak pengurusan. “Setiap aduan yang diterima akan saya tangani secara berhati-hati dan menyalurkannya kepada pihak berkenaan secara bertanggungjawab. Ini supaya permasalahan yang dihadapi rakan sekerja

dapat dirungkai dan akhirnya mereka dapat bekerja dengan gembira dan terus memberikan prestasi yang baik kepada syarikat,” kata bapa kepada tiga cahaya mata ini.



Syed juga bukan sahaja aktif dalam aktiviti-aktiviti persatuan, malah juga dalam aktiviti kegemaran beliau iaitu mendaki. Beliau pernah membawa rakan-rakan sekerja melakukan ekspedisi pendakian gunung antaranya Gunung Fuji di Jepun, Gunung Yushan di Taiwan dan juga di Annapurna Base Camp di Nepal. “Saya amat menggemari aktiviti pendakian sejak dari dahulu lagi. Bagi saya, aktiviti ini dapat menjadikan seseorang sentiasa positif dan berani dalam menghadapi cabaran. Ia juga dapat memupuk semangat juang, disiplin serta dedikasi tinggi terhadap sesuatu perkara yang ingin dicapai. Ibarat mendaki gunung, sekiranya anda tidak memiliki semangat yang kuat pasti anda tidak akan dapat mendaki puncak gunung berkenaan. Perkara ini dapat saya aplikasikan dalam kehidupan dan tugas seharian selaku pengerusi persatuan pekerja,” tambah Syed yang kini hampir 30 tahun berkhidmat di MSM Prai.

Menyentuh kenangan manis beliau bersama MSM, Syed berkata saat yang tidak dapat dilupakan ialah ketika MSM

Prai dapat mencapai lebih dari sasaran tahunan yang ditetapkan pada 2004 sehingga mereka diberikan ganjaran bonus yang agak tinggi ketika itu. “Alhamdulillah, dengan ganjaran tersebut, ramai dalam kalangan kami dapat berkongsi rezeki yang diberi dengan keluarga tersayang.

Beliau tidak dapat melupakan peristiwa kehilangan seorang rakan baik ketika sama-sama mendaki Gunung Santubong, Sarawak. Pada masa kejadian, rakannya itu terkena serangan jantung yang membawa kepada kematiannya. “Peristiwa tersebut benar-benar memberi kesan terhadap saya, memandangkan rakan itu amat rapat dengan saya. Saya terpaksa mengusung beliau ke kaki gunung bersama dengan rakan-rakan yang lain,” kata Syed yang amat terasa di atas pemergian rakannya itu.

Meskipun terpalit kisah pilu di sebalik aktiviti kegemarannya, namun ia tidak mematahkan semangat beliau malah merancang untuk membawa rakan-rakan setugas berserta isterinya ke ekspedisi pendakian seterusnya iaitu ke Himalaya Base Camp 2, Nepal tahun hadapan.

Sebelum mengakhiri sesi, Syed sempat menitipkan kata-kata nasihat sebagai panduan generasi baharu. “Sebagai orang lama di MSM, saya seringkali menasihati petugas-petugas muda agar sentiasa bekerja dengan penuh keikhlasan dan tidak terlalu berkira dengan syarikat. Ini penting bagi memastikan rezeki yang diterima itu berkat untuk seisi keluarga. Sentiasa sematkan di hati agar apa yang dilakukan itu adalah ibadah dan berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik,” kata anak jati Bukit Mertajam, Pulau Pinang ini. Beliau juga berharap agar Kumpulan FGV dan MSM akan terus maju di bawah satu bumbung dan bersama-sama memacu kejayaan lebih gemilang di masa hadapan.

■ 'FGV: Tunjang saya, masa depan saya' – Sri Kivan

Sri Kivan Prasanth A/L Sri Renganathan, atau Kivan, ialah seorang sarjana FGV dengan Ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Sheffield, United Kingdom. Selepas menamatkan pengajian pada tahun 2018, Kivan memulakan kerjayanya di FGV sebagai Eksekutif Operasi di FGV Kernel Products Sdn Bhd, Kuantan, Pahang. Penempatan itu sangat dinanti-nantikan, dan Kivan sangat teruja apabila ditawarkan jawatan tersebut.

"Saya berterima kasih di atas pemberian biasiswa, dan pelbagai peluang yang disediakan untuk perkembangan dan kemajuan diri saya. Kepercayaan FGV terhadap pengajian saya memberikan inspirasi kepada saya untuk merealisasikan potensi diri sepenuhnya, dalam mengejar impian saya sebagai seorang jurutera," kata pemuda ceria yang berusia 27 tahun itu.

"Selain itu, ayah saya juga pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kanan selama 41 tahun di FGV Plantations Malaysia Sdn Bhd (FGVPM). Saya dibesarkan dalam komuniti FELDA yang rapat di Felda Cenderawasih, Sabah, jadi syarikat yang mempunyai nilai yang mendalam dan kaya dengan sejarah mendapat tempat yang istimewa di hati saya. Saya sangat gembira kerana

dapat meneruskan legasi bapa saya, dan berharap dapat menyumbang kepada kejayaan FGV dengan sebaik mungkin."

FGV menitikberatkan 'Pembelajaran Sepanjang Hayat' dan berusaha untuk menyediakan platform bagi para sarjana dan mereka yang berjaya meluaskan lagi pengetahuan mereka. Salah satu platform ini termasuk *Young Shapers Programme (YSP)*, yang memberi tumpuan khusus kepada pemimpin masa depan FGV. "Melalui YSP, eksekutif dibimbing untuk meningkatkan kemahiran dalam pengurusan projek, penyediaan kertas cadangan kes perniagaan dan analisis kewangan. Ini merupakan pengalaman yang benar-benar tidak ternilai untuk saya dan rakan sebaya dalam mendapatkan latihan praktikal daripada profesional industri," katanya.

Bagi Kivan, FGV adalah contoh terbaik kejayaan generasi terdahulu dalam membangunkan Malaysia. "Orang, budaya dan sejarah yang unik, dan perjalanan berterusan ke arah menyokong pertumbuhan sosioekonomi negara, membuatkan saya bangga menjadi sebahagian daripada organisasi yang dinamik ini."



■ Konsul Republik Indonesia Resmi Sekolah FGV CLC Sahabat



Pusat Pembelajaran Komuniti FGV (FGV CLC) Sahabat, Sabah telah menerima kunjungan hormat daripada Ibu Heni Hamidah, Konsul Republik Indonesia di Tawau seterusnya merasmikan empat bangunan baharu sekolah berkenaan di Sahabat.

Program yang berlangsung dari 16 hingga 17 Oktober 2021 melibatkan empat bangunan sekolah FGV CLC di Kompleks Baiduri Ayu, Kompleks Embara Budi, Kompleks Fajar Harapan dan Kompleks Mercu Puspita yang

terletak di kawasan pengoperasian ladang FGV di Sahabat, Sabah.

Empat bangunan tersebut antara kemudahan pembelajaran komuniti yang dibina oleh FGV dan dilengkapi dengan bekalan elektrik dan air serta kemudahan asas bilik darjah seperti kerusi, meja dan papan putih. Selain itu, bangunan-bangunan tersebut juga dilengkapi dengan sambungan internet bagi menyokong aktiviti pembelajaran dalam talian anak-anak pekerja ladang migran khususnya ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Sabah ekoran pandemik COVID-19.

Ibu Heni turut mengumumkan pelantikan 12 guru 'pamong' (pembimbing) bagi memastikan pembelajaran anak-anak pekerja ladang migran berjalan dengan lancar.

Program dua hari ini juga menjalankan program permohonan passport yang dikelola oleh Pejabat Konsulat Tawau bagi

pekerja ladang migran FGV. Program telah menyaksikan 800 permohonan berjaya diluluskan.

Sebagai tanda komitmen dan sokongan berterusan kerajaan Indonesia terhadap masa depan anak-anak pekerja migran terhadap pelajaran, Ibu Heni Hamidah telah menyampaikan sumbangan kerajaan berupa 10 unit komputer dan buku-buku teks republik berkenaan untuk tujuan pembelajaran mereka di FGV CLC Sahabat.

FGV CLC Sahabat kini mempunyai 11 buah pusat pembelajaran komuniti bagi membolehkan anak-anak pekerja migran warga Indonesia mengikuti pembelajaran asas seperti rakan-rakan mereka di negara asal, tanpa mengalami keciciran. Ia juga merupakan sebahagian dari komitmen berterusan FGV dalam menghormati hak-hak asasi manusia pekerja migran terutamanya dalam mendapatkan akses pendidikan buat anak-anak mereka.

TANYA DOKTOR POKOK



S: Bagaimanakah cara untuk tahu buah-buahan yang ditanam sudah masak dan boleh dipetik?

- Nor Fazilah Mukhtar, FGV Holdings

J: Buah-buahan yang masak biasanya boleh dikenal pasti dengan perubahan warna pada kulit buah, pengeluaran aroma wangi atau daun pengasuh (daun yang berdekatan dengan buah) mula menguning dan layu.

S: Apakah jenis tanaman import yang boleh ditanam dengan kesesuaian cuaca di Malaysia?

- Sabariah Mat Zain, FGV Holdings

J: Semua jenis tanaman import dari negara yang beriklim tropika atau tanaman yang ditanam pada musim bunga sehingga musim kering dengan suhu yang tinggi pada negara yang bermusim tanpa memerlukan suhu rendah untuk rangsangan pembungaan adalah sesuai ditanam di Malaysia.

S: Sekiranya kita meletakkan batu-batu kecil di dalam pasu, adakah tanaman di dalam pasu tersebut akan terbantut?

- Roslina Rasli, FGV Biotechnologies

J: Batu kecil adalah ringan tidak memadatkan tanah, tetapi akan

menyerap haba yang tinggi apabila terdedah lama di bawah cahaya matahari yang bersuhu tinggi mungkin akan merosakkan akar tanaman yang terdedah di atas permukaan tanah. Tambahkan media tanah dan siram secukupnya jika perlu letak batu kecil sebagai hiasan pada pasu.



Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam CASSIA edisi hadapan.

RESIPI PILIHAN

Nasi Goreng Telur Masin *Special*

BAHAN-BAHAN

Minyak Masak SAJI
Sos Cili SAJI
Kicap Lemak Manis SAJI
Cili kering (dikisar)
Bawang putih
Bawang merah
Cili merah
2 biji telur masin
Ikan bilis (ditumbuk)
Udang
Sayur kacang buncis
Daun sup (dihiris halus)



Anak-anak dah mula sekolah? Tak tahu nak masak apa untuk bekalan makanan anak? Apa kata anda cuba resipi Nasi Goreng Telur Masin Special daripada peserta Peraduan Memasak Duta FGV ini. Bukan sahaja mudah malah enak dan lazat!

CARA-CARA

1. Panaskan Minyak Masak SAJI dan tumiskan bawang putih serta bawang merah sehingga naik bau.
2. Masukkan cili kering yang dikisar, ikan bilis yang ditumbuk, Sos Cili SAJI dan Kicap Lemak Manis SAJI.
3. Seterusnya, masukkan udang dan biar sehingga bertukar warna.
3. Masukkan nasi dan sayur kacang buncis serta gaul sehingga sebatu.
4. Kemudian, masukkan pula telur masin.
5. Taburkan hirisan daun sup dan cili merah sebagai hiasan dan sedia untuk dihidangkan.

Resipi oleh:
Zalani Abdullah,
Kilang Sawit Bukit Mendi Triang, Pahang


TRAVELOG

NORMA BAHARU BERCUTI



WAJIB BAWA

Pakai pelitup muka dan bawa cecair pembasmi kuman ke mana sahaja anda melancong dan basuh tangan dengan kerap



JAGA SIKAP ANDA

- Elakkan tempat sesak
- Jaga jarak fizikal anda
- Jangan berbual rapat
- Sabar ketika beratur



LOKASI BERCUTI

- Pilih lokasi bercuti yang tidak padat dan terbuka
- Pilih tempat yang dekat dengan alam
- Pastikan penginapan yang dipilih disanitasi mengikut SOP



AMBIL TAHU

- Lokasi zon merah di kawasan sekitar jika ada
- Ambil tahu tentang aktiviti yang dilarang
- Ikuti laman rasmi Telegram Majlis Keselamatan Negara (MKN) tentang info dan SOP terkini



Harga

RM30
FIELD BOOK

RM85
COFFEE TABLE BOOK

Dilengkapi **info menarik** mengenai pengurusan **makhluk perosak** utama tanaman **kelapa sawit** seperti:

- ▶ Kumbang Badak
- ▶ Ulat Pemakan Daun Sawit
- ▶ Anai-anai Di Ladang Sawit
- ▶ Ulat Pengorek Tandan Sawit
- ▶ Haiwan Vertebrat Perosak di Ladang Sawit
- ▶ Tikus Perosak Di Ladang Sawit
- ▶ Musuh Perosak di Tapak Semaian Sawit



Imbas kod QR untuk pembelian dan maklumat lanjut.

Tahniah Pemenang!

Kuiz Eksplorasi FGV Hub 2.0

FGV FGVHub

Jawapan:

- S: Di manakah ruangan petugas FGV boleh memberi sebarang komen atau pendapat?
J: *Feedback di laman utama / homepage*
- S: Di manakah anda boleh membaca edisi e-CASSIA yang telah diterbitkan?
J: *Laman utama / homepage di banner atau pun di icon di bawah*
- S: Di manakah anda boleh membaca artikel Pelancaran Kempen Keselamatan dan Kaizen FGVPi?
J: *Subpage Plantation – Operation Excellence*
- S: So Fresh for Less! Di manakah laman slogan ini berada?
J: *Intergrated Farming banner – Gogopasar*
- S: Anda boleh mendapat maklumat tentang kempen PRIDE di sini.
J: *Corporate Centre – Group Human Capital (GHC)*
- S: Apakah perniagaan-perniagaan utama yang disenaraikan di bawah Sektor Logistik dan Lain-lain?
J: *Logistics, Bulking and Storage, IT, Travel Tourism & Hospitality*
- S: Siapakah penganjur program bakul makanan yang dijalankan oleh MSM Prai Berhad?
J: *Surau Al-Munawwarrah Committee*
- S: Apakah nama iklan Saji sempena Hari Kebangsaan 2021 dan di manakah ianya berada?
J: *GELORA / Consumer Products*
- S: Di manakah anda boleh mengakses kepada ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEMS MANUAL?
J: *Group Governance & Risk Management (GGRM) - Polisi*
- S: Namakan lima aktiviti yang disenaraikan di bawah laman R&D
J: <https://bit.ly/3iK4av0>

Pemenang:

MOHD ADAM HAMDAN
FGV Holdings

CHUA YEN SIN
FGV Holdings

NOOR YALIZAWATI YA'ACOB
FGV R&D

NOR ASYIKIN SAMSURI
FGV Holdings

MOHAMMAD NIZAR ZAINOL ABIDIN
FGV Holdings


Para pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

Pertandingan #SAYADUTAPRODUKFGV

Muat naik gambar anda bersama produk keluaran FGV di laman media sosial (Facebook atau Instagram) anda dan gunakan **#SAYADUTAPRODUKFGV**. Pastikan akaun laman media sosial anda ditetapkan kepada mod '*public*' semasa pertandingan dijalankan.

10 peserta dengan reaksi (*Like, Love*) terbanyak akan menerima hadiah baucar Kedai FGV.

Skuad media sosial kami akan membuat pemantauan **#SAYADUTAPRODUKFGV** sehingga **30 November 2021**.



TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

